

MTIB temui kayu Ramin di FTZ Pasir Gudang

Um: 3/3/04

KUALA LUMPUR 2 Mac - Lembaga Industri Perakayuan Malaysia (MTIB) hari ini berkata, kayu Ramin seberat 1,636.88 tan ditemui di antara 3,879.36 tan kayu bergergaji dalam satu pemeriksaan di Zon Perdagangan Bebas (FTZ) di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor, pada 20 Februari lalu.

Ramin itu dipercayai berasal dari Indonesia, kata Majlis Perakayuan Malaysia (MTC) dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sebagai mewakili MTIB, di sini, hari ini.

Ramin sejak bulan Ogos 2001 telah disenaraikan, atas permintaan Indonesia, di bawah Lampiran III CITES (Konvensyen bagi Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Terancam), yang menjadikannya sebagai satu syarat sah untuk mengimport Ramin Indonesia hanya dengan Permit CITES Indonesia.

Kayu bergergaji lain yang ditemui sepanjang pemeriksaan itu adalah Kempas, Jelutong, Balau, Nyatoh dan spesies kayu berwarna merah, kata MTIB.

Pemeriksaan FTZ dijalankan oleh MTIB sebagai Lembaga Pengurusan Malaysia bagi spesies kayu kayan yang tersenarai di bawah CITES fauna dan flora asli.

Lembaga itu mengambil tindakan berikutan bukti yang disediakan oleh Agensi Penyiasatan Alam Sekitar (EIA) yang berpangkalan di Washington dan Telapak dari Indonesia. Kedua-duanya organisasi bukan kerajaan (NGO).

MTIB menyatakan ia memeriksa kayu bergergaji yang disimpan di antara barangan lain di empat buah gudang, dengan kerjasama penuh daripada Johor Port Sdn. Bhd. dan Jabatan Kastam yang berpangkalan di Pasir Gudang.

Lembaga Pelabuhan telah dimaklumkan supaya merampas kayu bergergaji Ramin yang dibawa masuk secara haram kerana tiada Permit CITES boleh dikeluarkan bagi kargo Ramin.

MTIB menyatakan ia juga telah menghubungi Lembaga Pengurusan CITES (MA) Indonesia pada 28 Februari seperti yang disediakan di bawah artikel VIII teks CITES untuk mendapatkan maklum balas MA Indonesia bagi memulangkan kayu bergergaji itu.

Pihak berkuasa Indonesia juga dimaklumkan mengenai dua penghantaran lain yang ditahan di jeti persendirian di Pelabuhan Klang pada 18 Februari lalu.

Dokumen pindah kapal dari Indonesia mengisytiharkan kayu itu sebagai kayu bergergaji tetapi tidak memberikan butir-butir mengenai spesies itu.

MTIB menyatakan syarikat perkapalan yang terlibat dalam dagangan Ramin haram dari Indonesia telah diminta menutup operasi di premis Johor Port Bhd.